

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JANUARI 2024

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

## PADU bukti kemahiran digital penjawat awam

### PADU bukti kemahiran digital penjawat awam

Oleh Prof Dr Rusli Abdullah  
bhrencana@bh.com.my



Profesor Fakulti Sains Komputer Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Timbalan Pengerusi Kluster Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Majlis Profesor Negara

**Pembinaan Pangkalan Data Utama (PADU)** membuktikan kebolehan sektor awam yang berfungsi dengan cemerlang selepas memperlihatkan kemampuan membangunkan sistem aplikasi secara dalaman.

Ini berbeza dengan pembangunan sistem lain seperti MySejahtera yang menggunakan pendekatan pembangunan dilakukan secara luaran.

Ini menunjukkan penjawat awam mempunyai bakat digital komprehensif dari segi pengetahuan teknikal untuk membangunkan sistem PADU hingga boleh beroperasi mengikut keperluan dikehendaki pengguna semasa atau selari teknologi masa kini.

Ini termasuk juga memastikan segala kegunaan sistem berkenaan dapat beroperasi dengan baik terutama membabitkan prestasi sistem dan keselamatan data.

Dengan membangunkan sistem ini secara dalaman, penyelenggaraan dapat dibuat dengan mudah di samping menjimatkan masa dan kos.

Ini juga memberi peluang kepada penjawat awam membuktikan daya tahan dan bakat, selain mengoptimalkan sumber tenaga demi kepentingan organisasi di sektor awam.

Bagaimanapun, kita perlu mengakui terdapat pelbagai isu dan cabaran perlu ditangani penjawat awam untuk memastikan bakat digital mereka sentiasa relevan hingga dapat menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat di samping memastikannya dapat beroperasi dengan lancar.

Oleh itu, pihak dipertanggungjawabkan perlu memastikan semua ekosistem berkaitan pengurusan infrastruktur ini beroperasi pada setiap masa (24/7) dan boleh dicapai melalui penggunaan peranti pintar seperti telefon pintar.

Ini termasuk memastikan semua pihak terabit terutama pengguna akhir dapat mencapai sistem berkenaan tanpa mengira di mana berada dan menggunakannya secara dalam talian termasuk melalui sistem rangkaian komunikasi 5G.

Malah, antara tidak boleh dikompromi ialah aspek keselamatan dan privasi data secara siber terutama membabitkan pengendalian data serta transaksi kompleks.

Ini juga perlu membabitkan banyak agensi dalam menyokong sistem aplikasi berkenaan yang amat terdedah kepada dunia luar secara siber.

Oleh itu, kerajaan perlu memastikan kemahiran dan pengetahuan penjawat awam terutama yang terabit dalam PADU sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa selari dengan perkembangan teknologi terkini yang cepat berubah.

Realitinya, penjawat awam dibekalkan dengan bakat digital berupaya memperkasakan mutu perkhidmatan awam negara ke tahap lebih cemerlang dengan syarat saling bekerjasama dalam satu pasukan terutama dalam agenda membangunkan sistem aplikasi seperti PADU supaya dapat diurus dengan efisien dan berkesan.

Kewujudan teknologi terbaharu ini juga akan mengubah norma lama perkhidmatan awam kepada norma baharu menekankan aspek atau urusan lebih berbentuk digital secara komprehensif lebih terurus, bersistematik dan beretika.

Apa yang penting, semua pihak terutama rakyat memperoleh perkhidmatan sektor awam terbaik dan bermutu tinggi, di samping negara dapat menjimatkan kos.

Malah, penggunaan sumber secara optimum itu dapat memperkukuhkan dan melestarikan perkhidmatan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dapat dipelihara setiap masa.

